



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

WARGA PERUMAHAN AWAM SERI SELANGOR JUGA MAHUKAN PEMBANGUNAN SEMULA

KUALA LUMPUR, 23 Februari 2018 – Seramai 3,000 komuniti di Perumahan Awam Seri Selangor menjayakan program kenduri 1Wilayah Persekutuan dengan sesi bergotong-royong beramai-ramai pada hari ini. YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan turut hadir bersama dalam program Hari Wilayah Persekutuan 2018 ini. Melalui konsep gotong-royong yang diterapkan dalam program Kenduri 1WP ini, warga Wilayah Persekutuan berpeluang untuk bekerjasama serta merapatkan lagi silaturahim antara satu sama lain.

Program yang diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2018 ini merupakan program yang paling mendapat kerjasama dan penglibatan yang tinggi daripada masyarakat setempat. SHWP 2018 masih mengekalkan tema “Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera” kerana dilihat dapat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan terutamanya dari aspek meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat serta menambahkan semangat kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan warganya.

Kerajaan sedang meneliti permohonan cadangan daripada Persatuan Penduduk Seri Selangor untuk membuat pembangunan semula di tapak perumahan tersebut. Para penduduk memohon pembangunan semula dibuat memandangkan perumahan tersebut telah berusia 46 tahun. Dengan pelaksanaan projek pembangunan semula akan memberi keselesaan serta meningkatkan nilai pasaran harta tanah di kawasan sekitar perumahan tersebut. Selain itu, para penduduk dapat memiliki saiz rumah yang lebih

besar serta mempunyai ciri-ciri moden dalam rekaan bangunan perumahan tersebut. Sehingga kini, kerajaan telah berjaya dua melaksanakan projek pembangunan semula seperti Residensi Kerinchi dan Razak.

Semua inisiatif yang dibuat ini adalah tanda keprihatinan kerajaan di dalam memastikan penduduk di Parlimen Cheras mendapat kemudahan dan keselesaan persekitaran yang lebih kondusif. Sebanyak 35 program sempena SHWP telah disusun sepanjang bulan Februari ini yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa.

Disediakan oleh
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan